

TARIKH : 10/1/2023

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT :

10/1/23

Sinar

Bertindak tegas majikan langgar pindaan Akta Kerja 1955 - MTUC

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa kerajaan agar bertindak tegas terhadap mana-mana majikan yang melanggar Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 sehingga pendakwaan perlu dilakukan.

Setiausaha Agung MTUC, Kamarul Baharin Mansor berkata, ini kerana terdapat majikan mengubah tempoh perkhidmatan itu supaya waktu kerja adalah 45 jam.

Menurutnya, pekerja tidak lagi dibayar upah bagi masa waktu rehat setelah pindaan baharu dibuat.

"Sebelum pindaan akta kerja, majikan membayar upah bagi waktu rehat tetapi setelah pindaan dibuat majikan tidak lagi berbuat demikian.

"Perlakuan majikan ini telah menyebabkan kemarahan pekerja kerana tempoh berada di syarikat tidak berubah," katanya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, media melaporkan kerajaan bersetuju untuk melaksanakan penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 pada 1 Januari lalu.

Dalam pada itu, Kamarul Baharin berkata, setelah seminggu penguatkuasaan dilakukan, terdapat aduan daripada pekerja dan kesatuan sekerja mengenai kegagalan majikan membuat pindaan selaras dengan akta baharu itu.

"Pelaksanaan waktu kerja yang dikurangkan kepada 45 jam seminggu masih lagi tidak dilaksanakan.

"Majikan tidak membuat persediaan yang sewajarnya kerana mengharapkan kerajaan menunda sekali lagi pelaksanaannya sedangkan pengurangan waktu kerja adalah memberi keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan (*work life balance*)," ujar beliau.



KAMARUL BAHARIN